

TAJUK KERTAS CADANGAN	:	Pelaksanaan program Perundingan/ <i>Coaching</i> Secara <i>Online</i> bagi 150 syarikat yang berpotensi untuk meyertai Program Industry4WRD <i>Readiness Assessment</i> 2020.
OBJEKTIF PROGRAM	:	i. Membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada Teknologi Industri 4.0 ii. Menyampaikan maklumat <i>Readiness Assessment</i> untuk menggunakan Teknologi Industri 4.0 yang digariskan dalam Dasar Industry4WRD iii. Meluaskan outreach mengenai RA ke arah mencapai sasaran 450 syarikat bagi tahun 2020
TARIKH DAN TEMPAT PROGRAM	:	Bulan November - Disember
BAJET	:	MPB-T5
PESERTA	:	Pengurusan Atasan PKS seluruh Malaysia
OUTPUT	:	Peningkatan permohonan daripada syarikat PKS di seluruh Malaysia
KOS TERLIBAT	:	RM16,800 <i>Peruntukan diperolehi daripada T5-MPB, melalui Kelulusan BOM Bil 894/2020. Bertarikh 12/10/2020 untuk Bengkel Pemahaman Tadbir Urus Readiness Assessment (RA).</i>
JABATAN/BAHAGIAN/UNIT	:	OED/PER (Industry4WRD)
KOMEN/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS UNIT PEROLEHAN	:	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS UNIT PEROLEHAN	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

1.0. TUJUAN

Kertas cadangan ini bertujuan untuk memaklumkan Lembaga Pengurusan MPC mengenai Program Perundingan/*Coaching* Secara *Online* bagi 150 syarikat yang berpotensi untuk menyertai Program *Industry4WRD Readiness Assessment* 2020.

2.0. LATAR BELAKANG

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat untuk menjadi sekretariat *Industry4WRD Readiness Assessment* (RA) untuk membantu 950 buah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada teknologi industri 4.0 bermula dari tahun 2019 (500 PKS) sehingga 2020 (450 PKS).

Program *Industry4WRD Readiness Assessment* (RA) adalah program yang komprehensif untuk membantu syarikat menilai keupayaan serta kesediaan bagi menggunakan teknologi dan proses Industri 4.0

Untuk memastikan PKS berpengetahuan dan siap siaga bagi melaksanakan transformasi ke arah Industri 4.0 beberapa sesi Perundingan Secara *Online* dicadang untuk dijalankan.

3.0. OBJEKTIF

- i. Membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada Teknologi Industri 4.0
- ii. Menyampaikan maklumat *Readiness Assessment* untuk menggunakan Teknologi Industri 4.0 yang digariskan dalam Dasar *Industry4WRD* dan;
- iii. Meluaskan outreach mengenai RA ke arah mencapai sasaran 450 syarikat bagi tahun 2020.

4.0. KOS

Kos untuk melantik 6 pembekal bagi melaksanakan program ini adalah sebanyak **RM16,800** (Lampiran 1). Peruntukan diperolehi daripada T5-MPB melalui Kelulusan BOM Bil 894/2020, bertarikh 12/10/2020 untuk Bengkel Pemahaman Tadbir Urus *Readiness*

Assessment (RA). Kos lantikan bagi setiap pembekal berjumlah RM2,800 dan setiap pembekal perlu membuat Perundingan/*Coaching* secara *online* sebanyak 4 sesi.

5.0. SKOP TUGASAN PEMBEKAL

- i. Melaksanakan 4 sesi perundingan/*coaching* secara *online* kepada 25 syarikat yang diberikan kepada setiap pembekal
- ii. Memastikan setiap 25 syarikat mengisi permohonan *Readiness Assessment* (RA) dan;
- iii. Mengemaskini dan mengesahkan maklumat setiap 25 syarikat dari borang permohonan *Readiness Assessment* (RA) mengikut garis panduan yang akan diberi oleh MPC.

6.0. SENARAI CADANGAN PEMBEKAL

Setiap pembekal yang dilantik merupakan pembekal yang berdaftar di bawah Pembekal Latihan & Pembangunan Sistem (PLPS) MPC. Pembekal juga merupakan pembekal terlatih dan mempunyai skor di atas 4.0

- i. Quality Mind Sdn Bhd
- ii. Ideas Training and Consulting
- iii. Q Ideas Solution
- iv. Gemba Solution Enterprise
- v. Hijrah Synergy Resources
- vi. Sustainable Industrial Revolution and Innovation Sdn Bhd (SIRI)

7.0. PENUTUP

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk memberikan pertimbangan dan kelulusan pelaksanaan program Perundingan/*Coaching* Secara *Online* bagi 150 syarikat yang berpotensi untuk Program Industry4WRD *Readiness Assessment* 2020.

DISEDIAKAN OLEH



SAFNIWATI JASRI
4 November 2020

DISEMAK OLEH



SALIZA SAARI
4 November 2020

LAMPIRAN 1

KOS LANTIKAN DAN AGIHAN SYARIKAT KEPADA PEMBEKAL

	PEMBEKAL							JUMLAH
	SESI	Quality Mind Sdn Bhd	Ideas Training and Consulting	Q Ideas Solution	Gemba Solution Enterprise	Hijrah Synergy Resources	Sustainable Industrial Revolution and Innovation Sdn Bhd (SIRI)	
Bil. Syarikat	1	25	25	25	25	25	25	150
	2							
	3							
	4							
Kadar (RM)		2,800	2,800	2,800	2,800	2,800	2,800	16,800